

MRC 2024 platform bincang, bahas dan berkongsi isu berkaitan jalan raya di Malaysia

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
KUALA LUMPUR

Kerajaan mengharapkan inovasi berterusan dan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan kerja atau projek bagi penyampaian efektif serta memenuhi hasrat yang lebih besar.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, dalam industri jalan raya, inovasi bukan sahaja perlu untuk menghasilkan jalan lebih baik tetapi untuk menambah baik aspek keselamatan dan kelestarian.

Menurutnya, aspirasi Program MYJalan dilancarkan pada 24 Ogos tahun lalu bertujuan meningkatkan kualiti, keselamatan dan keselesaan pengguna dengan menanamkan semangat 'jalan kita, tanggungjawab kita'.

“Menurut data daripada Polis Diraja Malaysia, terdapat lebih 6,000 kematian, lebih 4,000 kecederaan parah dan 29,000 kecederaan ringan di jalan raya pada 2022.

“Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 menyasarkan pengurangan 50 peratus kematian akibat nahas jalan raya menjelang 2030.

“Ini bagi mencapai visi negara sifar kematian akibat nahas jalan raya serta membudayakan keselamatan jalan raya demi kesejahteraan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Jalan Se-Malaysia ke-12 (MRC 2024) dan Kongres Jalan Asia Pasifik, Persekutuan Jalan Sedunia ke-5 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di ibu negara pada Selasa.

Program dianjurkan Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia dengan kerjasama



Alexander (dua dari kiri) merasmikan MRC 2024 di WTC Kuala Lumpur pada Selasa.

Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Acara dwitahunan bermula 5 hingga 7 November ini merupakan platform utama bagi

menjalinkan rangkaian dan perkongsian penyelidikan, idea serta inovasi teknologi terkini dalam reka bentuk, pembinaan, pengurusan, penyelenggaraan infrastruktur jalan raya dan lebuhraya.

Bertemakan 'Memacu

Inovasi Untuk Jalan Raya Lebih Baik', MRC 2024 menekankan kepentingan inovasi dalam mempertingkatkan kualiti, keselamatan dan kelestarian jalan raya di samping mengenal pasti kaedah mengurangkan kos pembinaan infrastruktur jalan raya di Malaysia.

Alexander berkata, tiga aspek kejuruteraan jalan raya yang perlu diutamakan adalah tanggungan motosikal selamat, pengurusan kelajuan di kawasan berisiko tinggi dan penyediaan infrastruktur yang lebih selamat.

“Namun, tindakan penambahan berdasarkan data dan pelan keselamatan adalah yang paling utama.

“Persidangan ini diharapkan dapat menjadi ruang untuk berbincang, berbahas dan berkongsi penyelesaian bagi isu-isu yang telah dinyatakan,” katanya.

ZPP lancar Divisyen Projek Khas untuk penerima, pembayar zakat

SEBERANG JAYA - Zakat Pulau Pinang (ZPP) melancarkan Divisyen Projek Khas yang bermatlamat untuk kelestarian muzakki (penerima) dan mustahik (pembayar) zakat.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid berkata, peranan Divisyen Projek Khas itu bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan prestasi kewangan tetapi juga reputasi dan menjaga nilai bagi pihak berkepentingan terutama prospek pembayar zakat, serta penyumbang korporat bagi program sosioekonomi di Pulau Pinang.

Menurutnya, Divisyen Projek Khas ini diketuai oleh Ketua Pegawai Projek merangkumi Jabatan Projek Khas dan Jabatan Kelestarian dan Kesejahteraan Asnaf.

“Kedua-dua jabatan ini berperanan memperkasa pengoperasian projek-projek dan institusi agihan zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).



Mohamad (tiga dari kiri) ketika melancarkan Divisyen Projek Khas di Seberang Jaya pada Isnin.

“Melalui transformasi ini, Jabatan Kelestarian dan Kesejahteraan Asnaf dipertanggungjawabkan menguruskan dan memperkasa operasi tiga institusi utama daripada projek agihan zakat iaitu Bahagian Perkhidmatan Kesihatan yang mempunyai Pusat Hemodialisis Zakat

(PHZ), Inapan Kasih Sayang (IKS) iaitu asrama anak-anak asnaf dan seterusnya pengurusan pusat jagaan warga emas Darul Hanan,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Divisyen Projek Khas dan Apresiasi Rakan Sinergi ZPP, di sini pada Isnin. Mengulas lanjut, Mohamad

yang juga Yang Dipertua MAINPP berkata, Jabatan Projek Khas juga berfungsi dan mengendalikan tugas pengagihan zakat melalui pembangunan modal insan yang merangkumi pembangunan ekonomi, keusahawanan, kemahiran (TVET) dan pendidikan dalam kalangan kumpulan

peniaga kecil dan belia.

Jelasnya, jabatan ini juga sentiasa melihat potensi dan peluang kerjasama dengan pelbagai agensi secara dua hala dalam memastikan pelaksanaan program yang dilaksanakan membuahkan hasil sebaiknya.

“Kita berharap dengan penubuhan Divisyen Projek Khas ini merupakan komitmen MAINPP dalam menempatkan landasan bagi agenda kelestarian projek agihan zakat.

“Semakin cekap dan berkesan kutipan dan agihan zakat, akan memberikan kesan yang lebih besar kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar, serta mewujudkan nilai yang lebih besar dalam jangka panjang.

“Langkah ini adalah titik permulaan dalam membina institusi zakat yang lestari, selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk kesejahteraan jangka panjang yang konsisten dengan matlamat pembangunan lestari,” katanya.